

**PENDEKATAN MEDIUM HIBRID DALAM KARYA**

**ELUN LOROS**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
Seni Halus

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**  
2006

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuhan Yang Maha Kuasa. Ini kerana berkat pertolongan dan kehidupan yang telah dianugerahkan-Nya saya mampu mengecapi alam pembelajaran hingga ke menara gading.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada En.Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani khasnya selaku penyelia penulisan ilmiah untuk projek tahun akhir saya. Saya amat berterima kasih kerana beliau amat mengambil berat terhadap mahasiswa yang dibimbingnya. Komitmen yang diberikan oleh beliau sangat tinggi ditambah pula dengan sikap beliau yang mudah diajak berbincang berserta dengan nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan amat berguna dan banyak manfaatnya kepada saya. Melalui tunjuk ajar beliau juga timbulnya pengalaman-pengalaman baru dalam diri saya terutama dalam menghasilkan penyelidikan yang bersifat ilmiah. Tidak ketinggalan juga kepada semua pensyarah-pensyarah Seni Halus, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, sokongan, dorongan dan teguran sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan. Begitu juga dengan rakan-rakan seperjuangan terima kasih diucapkan di atas kesudian menghulurkan bantuan, pendapat dan sokongan yang tidak ternilai.

Tidak ketinggalan juga ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga saya yang juga telah banyak memberikan saya sokongan dan dorongan walaupun ahli keluarga saya tidak mendalami sepenuhnya bidang pengajian yang saya ceburi di Unimas. Namun mereka tetap menyokong saya dari belakang agar saya berjaya seperti juga orang lain.

## **ABSTRAK**

Perubahan dalam era alaf baru telah menyaksikan aliran seni bertukar ganti dan penggunaan bahan semakin berkembang. Penggunaan medium berasaskan pendekatan hibridisasi di negara kita juga sememangnya telahpun menampakkan ciri-ciri kematangannya dalam era seni kontemporari masa kini. Justeru, lantas memperkembangkan lagi penggunaan medium hibrid dalam menghasilkan karya-karya yang pelbagai bentuk seperti arca atau sebagainya. Proses hibridisasi ini adalah penggabungan beberapa unsur bahan yang tidak sama sifatnya yang menekankan konsep seni kontemporari.

## **ABSTRACT**

*Changes in new era has witnessed the flows of arts and development of material usage. In our country, the used of medium based on hybridization had shown its maturity in contemporary arts era. This leads to development of hybrid medium usage in designing sorts of artworks such as a sculpture. This hybridization process is a combination of some different material substances that emphasize the concept of contemporary art*

## KANDUNGAN

<b>Isi Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Halaman Tajuk</b>	<b>i</b>
<b>Pengesahan</b>	<b>ii-iii</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>iv</b>
<b>Abstrak</b>	<b>v</b>
<b>Abstract</b>	<b>vi</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>vii</b>
<b>Bab 1 Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>Bab 2 Sejarah penggunaan ‘medium’ dalam penghasilan berkarya</b>	<b>8</b>
2.1 Perkembangan penggunaan ‘medium’ sebagai bahan utama dalam berkarya	10
2.1.1 Ciri penerokaan medium	12
2.2 Penggunaan ‘medium’ dalam pendekatan hibridisasi	13
2.3 Tinjauan terhadap pendekatan medium hibrid dalam karya	15
2.4 Penguasaan medium dalam pengolahan karya	16
2.5 Penglibatan pengkarya tempatan dalam pendekatan medium hibrid	18
<b>Bab 3 Pengolahan karya peribadi</b>	<b>21</b>
3.1 Pemilihan medium	22
3.2 Medium yang digunakan	24
3.2.1 Pengamatan sifat medium yang dipilih	24
3.3 Proses dan teknik penghasilan karya	28
3.3.1 Menjalankan eksperimen sebelum menghasilkan karya	28
3.3.2 Mengolah dan menghasilkan karya peribadi	33
<b>Bab 4 Kesimpulan</b>	<b>39</b>
<b>Bibliografi</b>	<b>41</b>
<b>Lampiran</b>	<b>43</b>

## **Bab 1**

### **PENGENALAN**

Dunia seni merupakan satu dunia yang cukup luas ruang lingkungannya. Seni sebagai tatapan dan wahana yang hidup dalam masyarakat masih subur dan terus berkembang walaupun menerima cabaran sengit lantaran arus globalisasi. Seni hibrid pada masa dahulu merupakan media campuran kini merupakan seni baru yang menggabungkan pelbagai media sebenarnya sudah lama bermula di negara ini mahupun di negara luar tetapi kewujudannya tidak diketahui oleh manusia pada masa sekarang. Sesetengah pengkarya negara kita sudah lama bergiat dalam bidang seni yang menggunakan medium hibrid sebagai hasil karya seni mereka yang lebih kepada kontemporari.

Perubahan dalam era alaf baru telah menyaksikan aliran seni bertukar ganti dan penggunaan bahan semakin berkembang. Penggunaan medium hibrid di negara kita juga sememangnya telahpun menampakkan ciri-ciri kematangannya dalam era seni kontemporari masa kini. Justeru, lantas memperkembangkan lagi penggunaan medium hibrid dalam menghasilkan karya-karya yang pelbagai bentuk seperti arca atau sebagainya.

Umum mengetahui, kemajuan yang pesat dalam sains, teknologi dan maklumat telah menyebabkan seni tampak di Malaysia semakin berkembang. Namun demikian medium hibrid juga tidak dilupakan kerana masih ramai pengkarya seni tanahair yang cuba berkarya untuk menghasilkan karya seni yang menggunakan medium hibrid dan ianya juga semakin berkembang selari dengan seni teknologi masa kini di negara kita.

Di Malaysia, penghasilan karya yang menggunakan pendekatan medium hibrid telah lama bermula dan kini semakin diminati oleh pengkarya tempatan kita. Walaupun perkembangannya tidak disedari namun ia semakin menerokai era seni pada masa kini. Atas sebab itu pelbagai bentuk karya telah dihasilkan oleh pengkarya yang terus tetap meminati penggunaan medium hibrid dalam berkarya. Pelbagai jenis medium yang digunakan oleh pengkarya seperti besi, kaca, logam, tanah liat, kayu, batu, kertas, tisu dan banyak lagi. Penggunaannya adalah tidak terhad dan tidak terikat kepada satu medium sahaja.

Melihat unsur-unsur tersebut, pengkaji didorong oleh satu perasaan yang amat kuat untuk mengumpulkan maklumat tentang pendekatan terhadap medium hibrid untuk diperkembangkan lagi di mata dunia. Pengumpulan tentang fakta dan maklumat yang berkaitan dengan penggunaan medium hibrid bukanlah semata-mata untuk suka-suka tetapi bertujuan untuk menganalisisnya dengan menggunakan pendekatan medium hibrid dalam karya.

Justeru, dengan berani penghasilan penulisan seperti ini telah dikarang bagi menghidupkan lagi medium hibrid dalam karya ciptaan seni tanahair yang semakin luas. Walaupun mengetahui memang banyak kekangannya tetapi dengan keyakinan yang ada pada diri pengkaji karya-karya seperti ini tetap akan dihasilkan bagi mengembangkan lagi seni baru yang bersifat kontemporari.

Aktiviti seni di Malaysia semakin menampakkan ciri-ciri kematangannya terutama dari segi penggunaan bahan oleh para artis bagi menghasilkan karya yang bersifat kontemporari. Justeru, tidak dinafikan bahawa penggunaan bahan-bahan yang menggunakan lebih dari satu jenis media memang sudah bermula sejak dulu lagi. Menurut Wahida Abdul Wahid dalam buku Sejarah Seni Lukis dan Seni Reka, seni zaman pra sejarah dicipta oleh manusia sebelum wujudnya tamadun dan kebudayaan manusia yang pertama di Eropah. Dalam aspek kesenian pra sejarah samada seni catan atau seni arca telah wujud penggunaan bahan seperti pewarna tanah dan tumbuhan, arang, tanah liat berwarna, lemak binatang, batu kapur dan kayu. Contohnya penghasilan patung-patung arca yang paling awal iaitu *Venus of Wilendorf*. Kenyataan tersebut meyakinkan pengkarya bahawa penggunaan bahan seperti itu telah lama digunakan tetapi pengkarya pada masa kini tidak mahu meneruskannya kerana pengkarya melihat kepada kemodenan yang ada sekarang lantas melupakan segala apa yang berlaku pada masa dahulu. Di sini apa sebenarnya yang ingin dilihat ialah penggunaan bahan-bahan ini sudah pun digunakan dan dipraktikkan oleh pelukis pada masa dahulu. Jika dilihat dari sudut zaman sekarang memang masih ada sesetengah artis tempatan kita yang menghasilkan karya mereka dengan menggunakan media yang terdiri dari lebih satu bahan yang mempunyai unsur dan sifat yang berbeza. Di Barat juga penggunaan pelbagai media juga sudah bermula seiring dengan wujudnya ketamadunan manusia di zaman Antik (25,000 SM-1500SM) yang dikenali sebagai zaman batu. Hal ini dibuktikan dalam buku yang dikarang oleh Wahida Abdul Wahid juga yang menulis bahawa:



*“ sesetengah ahli pengkaji berpendapat bahawa bidang kesenian lahir bersaing dengan kewujudan manusia yang pertama iaitu pada zaman batu iaitu Paliolitik atau Zaman Batu Lama. ”*

Dalam pengkajian ini, secara kasarnya ia akan membicarakan tentang pendekatan medium hibrid dalam karya dengan menghasilkan suatu ciptaan seni baru kontemporari yang dihasilkan melalui penggabungan pelbagai medium yang mempunyai sifat yang berbeza bagi mewujudkan hibrid.

Penggunaan medium dalam karya juga amat dititikberatkan. Istilah medium seperti yang dijelaskan dalam kamus *Encyclopedia of the Arts* merupakan media atau bahan yang boleh dilekatkan bersama yang digunakan oleh pengkarya seperti pigmen warna. Bahan yang terawal yang digunakan adalah seperti tanah liat, batu marmar, konkrit, simen dan kaca.

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga, DBP, Kuala Lumpur 2002, hibrid dalam konteks biologi merupakan anak haiwan atau tumbuhan yang dihasilkan daripada percantuman dua jenis benih yang berlainan atau dalam erti kata lain kacukan. Dalam erti kata lain hibrid merupakan satu sifat sistem yang terbentuk daripada gabungan beberapa teknologi yang berlainan. Hibrid adalah gabungan dua atau lebih bahan yang dicantumkan menjadi satu hasil yang baru.

Dalam Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, Edisi Kedua, menerangkan bahawa hibrid merupakan kacukan atau campuran yang terhasil dari penggabungan dua unsur yang mempunyai sifat yang tidak sama. Ia juga merupakan satu hasil yang terjadi dari unsur yang telah dipelbagaikan dan dalam hasil tersebut sifat kepelbagaian telah wujud.

Menurut Kamus Inggeris – Melayu Dewan ‘An English – Malay Dictionary’ DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia, KL, 1992, istilah hibrid juga seakan-akan sama maksudnya seperti yang terdapat dalam kamus Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, Edisi Kedua.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa ketiga-tiga kamus yang dirujuk mempunyai persamaan dari segi maknanya yang lebih kurang sama kecuali dalam kamus yang dinyatakan dalam Kamus Dewan, Edisi Ketiga, DBP, Kuala Lumpur 2002, pengertiannya agak berbeza kerana ia melihat kepada konteks biologi yang lebih kepada percantuman dua jenis benih yang berlainan.

Namun demikian kesimpulannya ialah hibrid merupakan dua unsur dan sifat yang tidak sama yang digabungkan untuk menghasilkan sesuatu ciptaan yang baru yang turut menggabungkan pelbagai unsur. Jika dilihat dalam konteks seni, hibrid ini adalah penghasilan dua atau lebih medium yang berbeza telah digabungkan untuk menghasilkan satu karya seni yang bersifat kontemporari tidak mengira samada material yang digunakan adalah keras, lembut, licin, kasar atau sebagainya. Ini kerana apa-apa juga bahan yang digabungkan dalam menghasilkan karya seni adalah dianggap hibrid cuma

cara mengendalikan dan proses berkarya tidak sama walhal ianya adalah sama kerana ia telah melalui proses menggabungkan dua atau lebih medium yang berlainan membentuk suatu hasil seni yang baru atau kontemporari. Seseorang artis haruslah pandai mengaplikasikan bahan yang ada supaya apa yang ingin dicapai akan terlaksana demi untuk kepuasan artis tersebut. Antara medium hibrid yang sering digunakan oleh pengkarya seni kita ialah tanah liat, kaca, metal seperti besi dan sebagainya dan juga papan. Menurut buku *Masters Of Their Craft, clay, glass, metal, fibre, wood* jelas menerangkan bahawa penguasaan kesemua medium tersebut telah digunakan dalam menghasilkan karya-karya seni di samping menghasilkan dekorasi di dalam rumah seperti barangan kraf dan sebagainya. Sesuatu karya yang dihasilkan dengan menggunakan medium hibrid adalah tidak terikat dengan bentuk dan pemilihan medium yang ingin digunakan oleh pengkarya.

Dalam menghasilkan suatu karya seni yang kontemporari tujuan atau matlamat sesuatu karya yang dihasilkan adalah amat penting kerana ini dapat memberikan makna dan tujuan sebenar mengapa seseorang pengkarya menghasilkan karya tersebut. Dalam pengkajian ini, matlamat utama yang ingin dicapai dalam menghasilkan karya yang menggunakan medium hibrid ialah menghasilkan suatu karya seni yang baru dengan menggunakan medium hibrid yang lebih kepada bentuk eksperimen terhadap medium tersebut. Karya yang terhasil adalah berbentuk eksperimental terhadap medium yang telah dipilih iaitu menggunakan medium kaca sebagai medium utama dalam penghasilan karya di samping medium lain seperti tanah liat, logam dan kayu. Selain itu juga tujuan utama penghasilan karya yang menggunakan medium hibrid ini ialah untuk

memperluaskan lagi seni tampak di Malaysia melalui penggunaan bahan-bahan atau medium hibrid yang digabungkan menjadi satu hasil seni yang bermutu dan bernilai tinggi tanpa mengira batasannya kerana pengkarya boleh berkarya secara meluas dan tiada batasannya. Telah kita ketahui bahawa seni memang meluas baik dari segi penggunaan bahan ataupun cabang-cabang seni yang boleh kita ceburi.

Di samping itu ia turut mengetengahkan potensi bahan-bahan atau medium dalam aspek seni tampak kontemporari agar ianya dapat dipelbagaikan lagi penggunaannya pada masa akan datang. Contohnya penggunaan medium kaca sebagai bahan utama dalam menghasilkan karya seni. Tidak semestinya hanya menggunakan medium lain seperti logam, sintetik, papan, fibre atau sebagainya dalam menghasilkan karya seni. Medium dalam konteks seni adalah tidak terhad kerana apa juga material boleh digunakan dan digabungkan menjadi satu hasil seni yang baru. Kini, tidak dinafikan penglibatan para pengkarya dalam menghasilkan karya seni yang menggunakan medium hibrid memang memberansangkan. Ini terbukti dengan adanya hasil karya artis yang menggunakan pelbagai medium dalam proses pengkaryaan mereka. Contohnya Mat Ali Mat Som yang menggunakan metal dan kaca dalam karyanya yang bertajuk *Ikat 2*.

## Bab 2

### SEJARAH PENGGUNAAN 'MEDIUM' DALAM PENGHASILAN KARYA

Seni telah berkembang sejak awal ketamadunan manusia mulai zaman purba iaitu Zaman Batu (zaman 25,000 SM) sehingga ke zaman Renaissance dan Baroque-Rokoko iaitu pada abad ke-16 hingga ke-17. Seni kemudiannya bermula pada abad ke-18 hingga ke-19 yang diklasifikasikan dengan istilah 'isme' seperti Kubisme, Realisme, Romantisme, Ekspresionisme dan lain-lain istilah lagi.

*Aristotle pernah mengatakan bahawa " seni ialah keupayaan untuk menghasilkan sesuatu, termasuk tujuan dan sebab...."*

Berdasarkan keupayaan itulah manusia mampu menghasilkan apa sahaja selagi terdaya, begitu juga para pengkarya selagi ada minat, kebolehan dan keupayaan maka mereka akan terus berjuang untuk berkarya. Tanpa adanya bahan atau medium sebelum berkarya pengkarya tidak dapat menghasilkan karya seni mereka. Oleh sebab itulah medium juga amat penting sebelum menghasilkan karya seni.

Secara kasarnya, penggunaan medium telahpun bermula sejak zaman purba lagi tetapi manusia sememangnya tidak menyedari akan bermulanya satu era baru dalam penguasaan bahan untuk menghasilkan karya. Dalam sejarah seni menerangkan seni zaman pra sejarah dicipta oleh manusia sebelum wujudnya tamadun dan kebudayaan manusia yang pertama di Eropah. Dari aspek kesenian pra sejarah samada seni catan atau

seni arca telah wujud penggunaan bahan seperti pewarna tanah dan tumbuhan, arang, tanah liat berwarna, lemak haiwan, batu kapur dan kayu. Kenyataan tersebut meyakinkan pengkarya bahawa penggunaan bahan seperti itu telah lama digunakan serta diaplikasikan oleh pengkarya pada masa dahulu.

Kini, perubahan dalam era alaf baru telah menyaksikan aliran seni bertukar ganti dan penggunaan bahan semakin berkembang. Bahan-bahan dari tumbuhan dan logam sering digunakan oleh pengkarya tempatan untuk hasil-hasil kerja tangan seperti sulaman, ukiran, tenunan, tekat, jahitan pakaian, pembuatan seramik, ketukan dan ukiran tembaga.

Jika dilihat dalam perkembangan seni yang menggunakan medium hibrid ini di Barat, ianya sememangnya sudahpun berkembang. Ini kerana dalam aspek kesenian pra sejarah samada seni catan atau seni arca, penggunaan bahan-bahan seperti pewarna tanah, tanah liat berwarna, batu kapur dan kayu telah wujud. Penggunaan media di Barat bermula seiring dengan wujudnya zaman batu. Begitu juga yang terjadi di negara kita dan kita juga tidak ketinggalan untuk menggunakan bahan-bahan yang ada untuk dijadikan media dalam menghasilkan karya-karya seni. Penggunaan bahan-bahan dalam aktiviti seni tampak ini bermula sekitar tahun 1920-an dengan kemunculan modenis-modenis Malaya.

Secara kesimpulannya, penggunaan bahan-bahan dalam menghasilkan karya telah pun bermula sejak dahulu lagi yang mana para artis dengan berani mencuba untuk mengaplikasikan bahan-bahan tersebut dalam proses berkarya mereka. Inilah juga yang

ingin disampaikan oleh pengkarya dalam kajian ini yang menggunakan medium kaca sebagai medium utama di samping gabungan beberapa medium yang lain untuk menghasilkan karya seni baru yang menggunakan pendekatan medium hibrid dalam karyanya.

## **2.1 Perkembangan penggunaan 'medium' sebagai bahan utama dalam berkarya**

Seni tampak di Malaysia pada penghujung abad ke 20, telah menyaksikan satu perubahan dalam berkarya setelah pendidikan seni formal bermula sejak tahun 1786. Dari situlah pengiat seni tanah air kita mula menonjolkan bakat masing-masing dalam menghasilkan karya seni kontemporari berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang ada.

Dalam suatu pengamatan karya dalam kategori 3D Bakat Muda Sezaman 2004, Zulkifli Yusoff pernah menyatakan beliau berminat terhadap perkembangan seni arca sebagai kategori 3D yang menghimpunkan pelbagai medium dalam proses menghasilkan karya.

Medium sebenarnya merupakan satu penonjolan penting yang sentiasa bertindak balas dengan audien bila ianya dijelmakan dalam bentuk 2D, 3D atau apa jua bentuk. Pemikiran dan cara pengolahan yang tepat ke atas medium merupakan antara elemen yang membantu mengesan bakat seseorang dalam menghasilkan karya peribadi mereka.

Kini, penerokaan medium dalam berkarya cukup meluas dan ianya tidak lagi terikat kepada pengaruh karyawan pada masa dahulu. Ini kerana pada masa kini pengkarya lebih bijak mengolah karya-karya seni mereka yang lebih bersifat kontemporari berdasarkan penguasaan medium yang dipilih. Pemilihan medium yang bijak bertanggungjawab untuk mengapai sebuah kejayaan dalam berkarya.

Memetik buku Bakat Muda Sezaman 2004, penggunaan bahan binaan seperti simen dan beberapa lagi medium lain juga mampu mengorak langkah dengan yakin untuk menghasilkan karya-karya yang berbentuk hibrid. Penggunaan medium seperti itu bukan hanya dianggap sebagai bahan binaan sahaja tetapi ia juga boleh dikembangkan menjadi medium untuk menghasilkan karya-karya seni. Selain simen, penggunaan logam, besi dan kaca juga jelas pernah diaplikasikan dalam penghasilan karya seni. Malah eksplorasi terhadap penguasaan pelbagai medium dalam menghasilkan karya juga semakin meluas.



### **2.1.1 Ciri penerokaan medium**

Hari ini ramai yang memperkatakan tentang media atau juga dikenali sebagai medium tetapi ramai juga yang tidak menyedari akan potensinya dalam menghasilkan karya-karya seni yang lebih kreatif. Medium adalah segala bahan yang boleh dilekatkan bersama yang digunakan oleh pengkarya samada medium tersebut bersifat lembut, keras, semulajadi atau buatan manusia dan sebagainya. Sebagai contoh kertas, pigmen warna, tanah liat, batu marmar, konkrit, simen, besi dan kaca.

Merujuk buku *Imbasan Bakat Muda Sezaman 1997*, jelas menerangkan tentang penerokaan media atau medium yang digunakan oleh pengkarya tempatan kita. Dalam buku itu juga menyatakan tentang eksplorasi medium dan kreativiti para pengkarya yang menggunakan pelbagai medium adalah tidak bersifat teknologi semata-mata. Ini kerana dengan pelbagai medium yang digabungkan telah diolah dan dikuasai sepenuhnya dalam menghasilkan karya seni yang lebih bersifat kontemporari. Pengkarya-pengkarya adalah bebas untuk memilih medium dan ini terpulang kepada penguasaan dan kekreatifan masing-masing untuk membentuknya menjadi karya seni. Dalam penghasilan karya juga, pengkarya kini lebih bijak dalam menggunakan serta menggabungkan lebih dari dua medium tersebut sehingga terhasilnya karya seni yang menggunakan pendekatan medium hibrid dalam berkarya.

Jika dilihat pada masa dahulu, penggunaan lebih dari satu medium iaitu sesuatu yang telah mengalami proses menggabungkan dua atau lebih bahan telah pun berlaku. Mungkin pada masa dahulu masyarakat tidak menyedari akan inovasi tersebut tetapi kini ia lebih menonjolkan inovasi dalam persembahan seni yang lebih berkembang maju. Buktinya, kini ramai pengkarya-pengkarya tempatan kita telah memberanikan diri dan berjuang untuk menghasilkan karya seni yang berpotensi dan setanding dengan karya luar negara. Dari aspek penggunaan medium yang telah digabungkan atau dalam erti kata lain yang menggunakan pendekatan terhadap medium hibrid juga semakin menampakkan ciri-ciri kematangannya dalam era seni kontemporari.

## **2.2 Penggunaan 'medium' dalam pendekatan hibridisasi**

Hibridisasi merupakan proses penggabungan dua atau lebih medium yang digabungkan menjadi satu hasil karya seni. Menurut kamus Dwibahasa, Oxford Fajar, Edisi Kedua muka surat 188 menjelaskan bahawa hibridisasi ialah sesuatu yang dihibridkan atau dikacukkan. Dalam konteks seni, ia merupakan beberapa medium yang mempunyai ciri atau sifat yang tidak sama yang digabungkan atau dicantum untuk menghasilkan suatu karya seni. Sebelum terhasilnya karya tersebut pengkarya akan melalui proses hibridisasi yang mana pengkarya akan memilih medium yang bersesuaian lalu menggabungkan medium-medium itu menjadi suatu ciptaan seni dengan menggunakan teknik masing-masing.

Dalam menghasilkan karya yang menggabungkan pelbagai medium, faktor pemilihan bahan dan gaya persembahan amat penting. Selain itu aplikasi teknik, gaya dan gabungan medium mengikut kesesuaian juga di ambil kira. Pengkarya perlu memahami sifat dan menguasai medium sebelum menggabungkan kesemua medium tersebut menjadi karya seni. Penggunaan medium seperti tanah liat, logam, besi, simen, kaca dan sebagainya kini seringkali digunakan oleh pengkarya cuma cara mengolah medium tersebut tidak sama kerana pemikiran dan idea setiap pengkarya adalah berbeza. Mungkin juga pengkarya-pengkarya menggunakan pendekatan yang sama iaitu pendekatan terhadap medium hibrid yang mana hasil karya adalah terhasil dari proses menggabungkan beberapa medium yang berbeza sifatnya.

Dengan pengutaraan medium yang bersahaja juga dapat menjana kreativiti sekurang-kurangnya boleh merubah paradigma bahan atau medium dalam soal berkarya dan dapat memperkembangkannya lagi dengan lebih meluas samada dalam kategori 2D, 3D atau 4D yang menggunakan pendekatan terhadap medium hibrid yang menggabungkan bahan-bahan seperti semulajadi atau buatan manusia.

Sebagai contoh karya M.Hijaz Mohammad yang bertajuk Ikan Masin seperti yang terdapat dalam buku Bakat Muda Sezaman 2004. Beliau telah menggabungkan medium seperti penggunaan (*silica*) dan beberapa lagi medium lain untuk menyepit ikan belanak dan ikan talan dalam karya Ikan Masin. Hijaz Mohammad telah mengembangkan penerokaan medium hibrid kepada sebuah permainan kata dan tampak melalui karya beliau. Maksud yang tersirat disebalik karya Ikan Masin ialah persepsi manusia terhadap

selera rasa dan perasaan cinta ironis, tersepit antara selera dengan nilai-nilai kesihatan atau kesejahteraan.

### **2.3 Tinjauan terhadap pendekatan medium hibrid dalam karya**

Penghasilan karya seni dapat dilihat dalam pelbagai bentuk samada dalam bentuk 2 dimensi (2D) atau 3 dimensi (3D). Ini terpulang kepada artis itu sendiri untuk menentukannya. Di Malaysia sendiri misalnya, penghasilan karya seni adalah bebas, ada yang menghasilkan karya seperti catan, arca, lukisan-lukisan abstrak dan sebagainya. Penghasilan karya yang menggunakan medium hibrid juga tidak ketinggalan. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan adanya karya-karya yang dihasilkan dan dipamerkan di galeri-galeri seni dan sebagainya yang menampakkan para pelukis masa kini juga bergiat aktif dalam menghasilkan karya yang menggunakan pelbagai medium samada dalam bentuk 2D atau 2D. Seperti dalam kajian ini, pengkarya lebih menjurus kepada pendekatan medium hibrid yang digunakan dalam menghasilkan karyanya. Di sini, pengkarya ingin mencari sesuatu yang baru dan cuba menghasilkan karya seni yang lebih kepada bentuk eksperimen. Pengkarya telah memilih beberapa medium seperti tanah liat, kaca dan logam dalam karyanya dan digabungkan menjadi satu karya baru yang bersifat kontemporari.

Dalam kajian ini, pengkarya sebenarnya ingin menyampaikan idea dan keinginannya dalam melaksanakan eksperimen agar usaha ini menjadi perintis kepada usaha-usaha yang mendatang untuk menyelongkar dan memperluaskan lagi hasil-hasil

seni yang menggunakan medium hibrid setanding dengan negara luar. Selain itu, ia juga merupakan satu percubaan pengkarya dalam mengadaptasikan medium kaca yang telah dileburkan menjadi karya seni dan berfungsi sebagai medium serta fokus utama dalam menghasilkan karya seni yang belum pernah dilakukan oleh para pengkarya yang lain terutamanya pengkarya tempatan sebelum ini.

#### **2.4 Penguasaan medium dalam pengolahan karya**

Salah satu bentuk kewujudan kebudayaan manusia adalah penggunaan medium atau bahan-bahan alam semulajadi seperti tanah liat, kayu, batu, pasir dan beberapa lagi bahan yang telah digunakan oleh para pengkarya. Ianya sebenarnya telah bermula sejak berabad-abad lalu dan dipercayai wujud sejak dari zaman batu lagi. Penggunaan bahan-bahan ini adalah berhubung rapat dengan kehidupan seharian masyarakat dan juga mempunyai ciri-ciri sifat yang membolehkannya digunakan dalam pelbagai bidang seni, seperti seni catan, arca, ukiran, tenunan, tembikar dan batik. Dalam medium hibrid juga pengkarya turut menggunakan bahan-bahan seperti ini dalam menghasilkan karya-karya mereka.

Dalam proses berkarya, sebelum memulakan langkah pertama, pemilihan medium amat penting. Ini adalah untuk memastikan bahawa medium yang digunakan adalah bersesuaian dengan apa yang akan dihasilkan di samping dapat memahami kriteria medium tersebut.

Menurut kamus *Encyclopedia of The Art* media atau medium adalah segala bahan yang boleh dilekatkan bersama yang digunakan oleh pelukis seperti pigmen warna atau sebagainya.

Kebanyakan artis di Malaysia lebih suka menggunakan medium seperti besi, kaca dan kayu dalam menghasilkan karya mereka. Ini sebenarnya tidak menjadi masalah kerana pemilihan bahan adalah ditentukan oleh pengkarya itu sendiri berdasarkan kesesuaian dan keselesaan dalam menjalankan proses berkaryanya. Sebagai contoh, karya 2D yang dihasilkan oleh Ahmad Azmi Abdul Rahman yang menghasilkan karya yang bertajuk *The New Order* yang menggunakan medium besi dan akar. Begitu juga Ramlan Abdullah yang menggunakan medium kaca, besi dan cat dalam menghasilkan karya yang bertajuk *Green Monumenta V*. Pengkarya seperti mereka yang sudah terkenal adalah bebas untuk memilih medium yang ingin digunakan asalakan mesej dalam karya dapat disampaikan dengan jelas.

Di Barat pula, artis yang terkenal seperti Robert Rauschenberg dan Marisol juga menggunakan pelbagai medium dalam karya mereka. Contohnya Robert Rauschenberg yang menggunakan media campuran dalam karya yang bertajuk *Tracer* pada tahun 1964. Marisol pula menggunakan media campuran di atas kayu atau papan dalam karya bertajuk *The Family* pada tahun 1962. Seperti yang dinyatakan dalam buku *Sejarah Seni Lukis Dan Seni Reka* (2000) oleh Wahida Abdul Wahid menjelaskan bahawa penggunaan media di Barat sudah bermula pada Zaman Batu dan pada masa itu hasil-hasil seni juga sudah mula dihasilkan. Contohnya penghasilan arca yang paling awal iaitu

*Venus Of Wilendorf*. Justeru, memang tidak dinafikan juga penggunaan medium-medium seperti yang dinyatakan dalam menghasilkan karya seni sudah bermula sejak dahulu lagi cuma kita yang tidak menyedari akan kewujudan medium tersebut yang berpotensi jika kita terus mengembangkannya dalam aktiviti seni tanah air.

## **2.5 Penglibatan pengkarya tempatan dalam pendekatan medium hibrid**

Di negara kita, ramai juga artis tempatan yang berminat untuk menghasilkan karya seni yang menggunakan medium hibrid. Antaranya ialah Mat Ali Mat Som, Ramlan Abdullah dan Jeri Azhari yang merupakan seorang artis Pop Art. Pengkarya seni tanahair tetap menghasilkan karya seni yang menggunakan medium hibrid kerana penghasilan karya seni ini juga boleh membawa kepuasan kepada pengkarya dan tidak terikat dengan pemilihan bahan yang ingin digunakan. Pengkarya bebas untuk memilih bahan yang disukai dan pemilihan bahan ini tidak terhad dan amat luas. Ini adalah kerana medium hibrid mudah didapati walaupun hanya menggunakan bahan-bahan terbuang botol plastik, kaca pecah yang tidak digunakan atau sebagainya. Seperti yang ditegaskan oleh Jeri Azhari yang berpendapat bahawa semua barang yang digunakan oleh beliau ada nilai dan gunanya, dari sesuatu benda biasa boleh bertukar menjadi benda lain yang tinggi nilai seninya. Walaupun Jeri Azhari hanya menggunakan bahan terbuang atau perkakas terpakai seperti tempayan, tin kosong, periuk belanga, majalah, kipas, kerusi, televisyen lama, gulungan dawai dan gitar tua sebagai media yang digunakan dalam proses menghasilkan karya namun dalam karya beliau, proses berkaryanya adalah sama seperti mana artis tempatan lain menghasilkan karya mereka kerana medium yang digunakan

adalah gabungan beberapa medium yang berbeza sifatnya. Dalam karya Jeri Azhari ini, ia lebih menggunakan bahan-bahan terbuang kerana bagi beliau bahan-bahan yang terbuang tersebut tidak semestinya terus dibuang begitu sahaja tetapi ia dapat diolah semula dalam proses penghasilan karya seni yang kreatif. Walaupun beliau merupakan artis yang lebih menjurus kepada *Pop Art* namun beliau juga cenderung dalam menghasilkan karya berbentuk hibrid. Ini membuktikan bahawa penghasilan karya yang menggunakan medium hibrid masih dikekalkan dan tetap diperjuangkan supaya ianya tidak lenyap ditelan oleh arus masa yang semakin dibuai arus kemodenan teknologi masa kini.

Kini semakin ramai para pengkarya yang giat dalam menghasilkan karya seni yang berbentuk 2D atau 3D dan karya-karya tersebut biasanya karya yang menggunakan penggunaan media campuran atau lebih dikenali sebagai medium hibrid. Walaupun demikian bentuk karya yang terhasil diantara para pengkarya adalah tidak sama dari segi prosesnya dan cara persembahannya.

Pada pandangan pengkarya, karya-karya seperti ini seharusnya dikekalkan kerana ia juga berpotensi dan sesuatu yang mencabar dalam menghasilkannya. Ini kerana proses pengkaryaan seperti 2D, 3D atau seni pemasangan adalah lambat, susah dan tidak spontan jika dibandingkan dengan seni lukis. Karya seperti menggunakan medium hibrid haruslah diperluaskan. Ini kerana bahan-bahan untuk dijadikan hasil seni mudah didapati dan ia terpulung bagaimana cara kita mengadaptasikan dan menerokai penggunaan bahan-bahan tersebut. Tidak salah seandainya kita menggunakan bahan-bahan terbuang